



Malay

taip untuk carian

JENAYAH & MAHKAMAH

Mahkamah Persekutuan Dengar Permohonan Rosmah Untuk Kebenaran Merayu Pada 29 Nov

🕒 24/08/2023 07:14 PM



Isteri bekas perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor (tengah) hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur hari ini untuk perbicaraan bagi pertuduhan pengubahan wang haram dan gagal mengisytiharkan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang dihadapinya.

PUTRAJAYA, 24 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan menetapkan 29 Nov untuk mendengar permohonan Datin Seri Rosmah Mansor bagi mendapatkan kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan beliau untuk membatalkan perbicaraan kes hibrid solarnya.

Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan, ketika dihubungi Bernama, mengesahkan tarikh itu.

Tarikh pendengaran itu ditetapkan susulan pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan Faezahnoor Hassan hari ini.

Pada 22 Julai lepas, Mahkamah Rayuan menolak permohonan Rosmah, 72, atas alasan rayuan beliau tidak mempunyai merit.

Isteri bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu telah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi pada Jun tahun lepas bagi memohon kebenaran memulakan semakan kehakiman. Beliau menamakan Peguam Negara/Pendakwa Raya, Kerajaan Malaysia dan (mendiang) Datuk Seri Gopal Sri Ram sebagai responden. Sri Ram meninggal dunia pada 28 Jan lepas.

Rosmah memohon deklarasi bahawa pelantikan Sri Ram sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan melalui tiga surat pelantikan (fiat) masing-masing bertarikh 8 Julai 2020, 11 dan 21 Mei 2021 adalah menyalahi undang-undang.

Beliau turut memohon deklarasi bahawa keseluruhan prosiding pendakwaan dan perbicaraan penuh kes projek solar yang berlangsung dari 15 Nov 2018 sehingga pembelaan menutup kesnya adalah tidak sah serta batal dan beliau perlu dibebaskan daripada semua pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Pada 30 Ogos tahun lepas, Mahkamah Tinggi menolak permohonan Rosmah dan beliau telah membawa perkara itu ke Mahkamah Rayuan namun turut ditolak. Beliau kemudian memfailkan permohonan pada 5 Julai lepas untuk mendapatkan kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan.

Menerusi permohonan itu, Rosmah meminta Mahkamah Persekutuan memutuskan lima persoalan undang-undang.

Pada 1 Sept 2022, Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan (kini Hakim Mahkamah Rayuan) memutuskan bahawa Rosmah bersalah atas pertuduhan rasuah berkaitan projek solar hibrid dan menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun serta denda RM970 juta.

Rosmah kemudian memfailkan rayuan terhadap sabitan serta hukuman dan kini bebas dengan jaminan RM2 juta.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarakan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

*Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),
[@bernamaradioofficial](#)*

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

mahkamah persekutuan

rosmah mansor

semakan kehakiman

sri ram

BERITA BERKAITAN



**Bekas Peguam Negara Idrus Harun
Antara Ahli Suruhanjaya
Pelantikan Kehakiman Baharu**

🕒 19hari lalu

LAGI BERITA